

Sektor pembinaan dijangka lebih rancak tahun ini

Syarikat kontraktor bakal raih manfaat susulan kontrak besar diperoleh sepanjang 2025

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin
bhbiz@nstp.com.my

Tahun 2026 dijangka menjadi tempoh pelaksanaan kerja yang membawa kepada pengiktirafan perolehan untuk kebanyakan syarikat kontraktor susulan kontrak besar yang diperoleh sepanjang 2025, demikian menurut RHB Investment Bank.

Bank pelaburan itu turut menjangkakan tawaran kontrak akan kekal stabil memandangkan 2026 adalah tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi tempoh 2026 hingga 2030, dengan perbelanjaan pembangunan kasar dirancang sebanyak RM81 bilion, berbanding anggaran disemak

RM80 bilion pada 2025.

Penganalisis RHB Investment Bank, Adam Mohamed Rahim, berkata sektor pembinaan dijangka memasuki fasa pelaksanaan yang lebih aktif pada 2026 selepas mencatat perolehan kontrak yang kukuh pada tahun sebelumnya.

“Tahun 2026 akan menyaksikan pelaksanaan kerja yang lebih ketara dan seterusnya menyokong pengiktirafan perolehan bagi kebanyakan kontraktor, sejajar dengan kontrak yang dianugerahkan pada tahun 2025.

“Nilai kontrak pembinaan yang ditawarkan di Malaysia pada 2025 berjumlah RM202.5 bilion, 12.6 peratus lebih rendah berbanding RM231.6 bilion pada 2024. Bagaimanapun, penurunan itu tidak dianggap sebagai kebimbangan utama memandangkan 2024 adalah tahun asas yang tinggi, iaitu antara nilai kontrak tertinggi sejak 2016,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

Beliau berkata, mengikut percahan, nilai tawaran kontrak kerajaan mencatat penurunan lebih besar berbanding sektor swasta.

Namun, katanya bagi subkategori bukan kediaman, nilai kerja yang ditawarkan meningkat enam peratus tahun ke tahun ke-

pada RM159.6 bilion berbanding RM151 bilion pada 2024, didorong terutamanya oleh kemasukan projek pusat data berskala besar.

“Segment bukan kediaman tersebut disokong oleh projek pusat data, dengan beberapa kontrak utama telah dianugerahkan di Lembah Klang sepanjang 2025 seperti Gamuda di Taman Perniagaan Eco V (RM2.1 bilion) dan IJM Corp di Taman Perniagaan Elmina (RM2.1 bilion), dan masih terdapat potensi paket kerja tam-bahan yang belum ditawarkan.

“Paket kerja yang masih belum ditawarkan seperti di Taman Perniagaan Elmina 2 yang mencapai nilai RM2 bilion mengikut anggaran kami. Tambahan lagi, kami tidak menolak kemungkinan tawaran kerja pusat data daripada tanah seluas 389 ekar yang dimiliki oleh Pearl Computing Malaysia di Springhill, Negeri Sembilan,” katanya.

Sementara itu, nilai kerja prasarana yang ditawarkan pada 2025 merosot 44 peratus kepada RM24 bilion daripada jumlah RM44 bilion berikutan pengurangan kontrak kerajaan sebanyak 22 peratus, disebabkan kebanyak-an kerja

prasaranan dianggap sebagai kerja kerajaan.

Projek prasarana utama

Namun, RHB Investment Bank menjangkakan beberapa projek prasarana utama akan mula ditawarkan pada 2026, termasuklah paket sistem dan Segmen 2 Transit Aliran Ringan Pulau Pinang, projek pemindahan air Perak-Pulau Pinang serta Transit Laju Autonomi Bertingkat Johor Bahru.

Berdasarkan prospek itu, ia mengekalkan saranan ‘wajarn tinggi’ terhadap sektor pembinaan, dengan Gamuda, Sunway Construction dan Kerjaya Prospek disenaraikan sebagai saham pilihan utama.

Bagaimanapun, RHB turut mengingatkan mengenai risiko yang berpotensi menjelaskan sektor pada 2026, antaranya kemungkinan pelaksanaan levi pekerja asing pelbagai peringkat yang boleh meningkatkan kos buruh dan memberi tekanan kepada margin kontraktor.

